

**HUBUNGAN ANTARA PROFESIONALISME
GURU DENGAN
PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS
DI SEKOLAH RENDAH DAERAH TUARAN**

MASRIAH BINTI HAJI MASTUL

DEPAMANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI

JUDUL : HUBUNGAN ANTARA PROFESIONALISME GURU DENGAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS DI SEKOLAH RENDAH DAERAH TUARAN

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : MASRIAH BINTI MASTUL SESI PENGAJIAN : 2011/2012

Mengaku membenarkan disertasi (Sarjana) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)


SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan).

/

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(DR MOHD KHAIRUDDIN ABDULLAH)


(MASRIAH BINTI MASTUL)

Alamat Tetap: Taman Orkid

Lot 9, Kg Lok Batik
Tuaran, Sabah

Tarikh : 23 Feb 2013

Tarikh : 23/2/13

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan

** Jika disertasi ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh disertasi ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Disertasi dimaksudkan sebagai disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : **MASRIAH BINTI HAJI MASTUL**


NO MATRIK : **PT20107344C**

TAJUK : **HUBUNGAN ANTARA PROFESIONALISME GURU
DENGAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN
KHAS DI SEKOLAH RENDAH DAERAH TUARAN**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA



(DR MOHD KHAIRUDDIN ABDULLAH)

Pensyarah

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Sabah

Kota Kinabalu

Tarikh 28/2/13




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

23 Februari 2013



Masriah Binti Haji Mastul
PT20107344C

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurnianya kerana memberikan saya kesempatan dan kekuatan untuk menyiapkan kajian ini, meskipun terdapat beberapa kekangan masa yang begitu menghimpit.

Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Doktor Khairuddin bin Abdullah selaku penyelia saya atas komitmen dan kesediaan beliau membantu, membimbing dan mendorong saya dalam menyiapkan kajian ini. Kesungguhan beliau membantu dapat mengatasi kekurangan yang ada dan meleraikan masalah diri yang sering terperangkap antara tanggungjawab terhadap tugas dan iltizam diri. Sesungguhnya saya amat menyanjung serta menghargai dan hal ini merupakan satu nilai tambah yang tidak dapat dibeli seandainya tidak dipelajari.

Terima kasih juga diucapkan kepada Unit Pendidikan Khas, Sektor Pendidikan Swasta Dan Pendidikan Khas, Jabatan Pelajaran Sabah terutama sekali Encik Kassim Hj Buntak selaku Ketua Unit Pendidikan Khas yang sentiasa hadir dan membantu dalam melakukan penambahbaikan dalam kajian ini. Terima kasih dan penghargaan buat semua pensyarah, rakan-rakan sekuliah, Guru Besar dan Guru Pemulihan Khas Daerah Tuaran kerana telah memberikan kerjasama dalam merealisasikan kajian ini. Insyallah dengan kerjasama yang telah diberikan, mertabat Pendidikan khususnya Profesionalisme Guru Pemulihan Khas dapat ditingkatkan dan akan kita abadikan sebagai sumbangan bukti ke arah kecemerlangan Pendidikan Negara. Teristimewa kasih juga buat keluarga terutama sekali anak-anak saya yang sentiasa menyokong saya walau apa juar keadaan yang saya tempuh.

Antara Padi dan Juga rebung
Di situ Sorak Saya Soraikan
Antara Hati dan Juga Jantung
DI Situ Kalian Saya Tempatkan

Akhir sekali, terima kasih buat semua, budi kalian tidak dilupa. Hanya Allah sahaja yang akan membalaunya.

ABSTRAK

Tujuan utama kajian adalah untuk mengenalpasti hubungan antara profesionalisme Guru pemulihan khas dengan pelaksanaan Program Pemulihan Khas dan dalam masa yang sama boleh ubah peramal elemen profesionalisme guru juga digunakan bagi mengenal pasti pengaruh elemen sikap, kemahiran dan pengetahuan, efikasi dan beban tugas terhadap keberkesanan pelaksanaan program pemulihan khas di daerah Tuaran. Kajian tinjauan ini melibatkan sampel guru pemulihan khas di 73 buah sekolah. Sampel dipilih menerusi persampelan bertujuan dan kutipan data melalui Soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 16.0. Penganalisan data secara statistik diskriptif yang menggunakan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai, manakala data inferensi menggunakan pengujian Korelasi Pearson dan Regresi Pelbagai Stepwise untuk menguji hipotesis kajian. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara elemen profesionalisme guru pemulihan khas dengan pelaksanaan Program Pemulihan khas, elemen sikap ($r=.688$, $p<.001$), elemen kemahiran dan pengetahuan ($r=.632$, $p<.001$), elemen efikasi ($r=.627$, $p<.027$) dan elemen beban tugas ($r=.273$, $P<.005$). Justeru dapatkan ini menjelaskan semakin tinggi tahap elemen profesionalisme guru pemulihan khas semakin meningkat dan berkesan pelaksanaan program pemulihan khas menjana kecemerlangan sifar pemulihan. Melalui analisis regresi pula, didapati elemen pemboleh ubah peramal yang menyumbang 60.4 peratus kepada perubahan dalam pelaksanaan Program Pemulihan Khas ialah sikap, efikasi dan beban tugas.

ABSTRACT

RELATIONSHIP BETWEEN REMEDIAL TEACHERS PROFESSIONALISM WITH THE IMPLEMENTATION OF A REMEDIAL PROGRAMME

The main purpose of the study is to identify the relationship between remedial teachers professionalism with the implementation of a Remedial Programme. In the same time the predictor variable elements of specialist teachers is also used to identify the influential elements of attitudes, skills and knowledge, efficacy and workload towards the effectiveness of the recovery special program in Tuaran. The survey involved a sample of special remedial teachers in 73 schools. Samples were selected through purposive sampling and data collection through questionnaires. Data were analyzed using SPSS 16.0. Descriptive statistics such as percentages, means and standard deviations were used to explain the results, while inferential statistics such as Pearson-r correlation and Stepwise Multiple Regression are used to test the hypothesis. The results showed significant correlation between the elements of professionalism that captures the special remedial teachers with the implementation of a special rehabilitation program, elements of attitude ($r = .688$, $p < .001$), elements of skill and knowledge ($r = .632$, $p < .001$), the elements of efficacy ($r = .627$, $p < .627$) and elements of workload ($r = .273$, $P < .005$). These findings thus explain the higher level of professionalism special remedial teachers would increase the effectiveness of implementation special rehabilitation program which leads to the excellence of zero recovery. Through regression analysis, it is found that the element predictor variables such as attitude, efficacy and workload contributed 60.4 percent of the change in the implementation of the Special Rehabilitation Program.

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Isi Kandungan	vi-ix
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Singkatan	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Definisi Operasional	12
1.9.1 Profesionalisme Guru	12
1.9.2 Program Pemulihan Khas	13
1.9.3 Guru Pemulihan Khas	13
1.10 Kesimpulan	13
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Literatur Berkaitan	
2.2.1 Konsep Program Pemulihan Khas	14
2.2.2 konsep Profesionalisme Guru	16

Halaman

2.2.3	Konsep Sikap	18
2.2.4	konsep Kemahiran Dan Pengetahuan	20
2.2.5	Konsep Efikasi	21
2.2.6	Konsep Beban Tugas Guru	23
2.2.7	Model Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	25
2.2.8	Teori Dan Model Sikap	34
2.2.9	Teori Kepimpinan Sebagai Sokongan Model Sokongan Dalam Model Kemahiran Dan Pengetahuan	38
2.2.10	Teori Dan Model Efikasi Guru	40
2.2.11	Teori Model Beban Tugas Guru	46
2.3	Kajian-Kajian Lepas	
2.3.1	Kajian Dalam Negara	49
2.3.2	Kajian Luar Negara	54
2.4	Kerangka Konsep	57
2.5	Rumusan	57
 BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.3	Sampel Kajian	59
3.4	Instrumen Kajian	60
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.6	Prosedur Penganalisisan Data	64
3.7	Penilaian Instrumen	66
3.8	Kajian Rintis	67
3.9	Kesimpulan	68

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	69
4.2	Analisis Data Diskriptif	69
4.2.1	Demografi Responden	69
4.2.2	Persepsi GPK Tentang Pengurusan Program Pemulihan Khas Di Sekolah	72
4.2.3	Tahap Profesionalisme GPK Di Sekolah	75
4.2.4	Tahap Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Di Sekolah	76
4.3	Analisis Dapatan Kajian Inferensi	
4.3.1	Hubungan Di Antara Professionalisme Guru Dengan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	83
4.3.2	Hubungan Di Antara Elemen Profesionalisme Dengan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	83
4.3.3	Hubungan Inter-korelasi Di Antara Pemboleh ubah Elemen Profesionalisme Guru	85
4.3.4	Pengaruh elemen Sikap, Kemahiran dan Pengetahuan, efikasi dan Beban Tugas Guru Terhadap Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	85
4.4	Rumusan	89
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	90
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	90
5.3	Perbincangan	95
5.4	Cadangan Dapatan Kajian	104
5.5	Penutup	113

LAMPIRAN

113

Lampiran A : Soal Selidik

Lampiran B : Surat Kelulusan EPRD

Lampiran C : Surat Kelulusan JPN

Lampiran D : Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas

Lampiran E : Senarai Tugas GPK

Lampiran F : Surat Pekeliling Kelas Pemulihan Kelas

Lampiran G : Ujian Normaliti SPPSS 16.0

Lampiran H : Senarai Sekolah Daaerah Tuaran

Lampiran I : Keputusan Analisis Data SPSS

BIBLIOGRAFI

SENARAI JADUAL

	Muka Surat	
Jadual 2.8	Agihan Masa Guru Pemulihan Khas	47
Jadual 3.1	Pembahagian Dan Taburan Soal Selidik	61
Jadual 3.2	Model 5 Skala Likert	62
Jadual 3.3	Interpretasi Skor Min	64
Jadual 3.4	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	65
Jadual 3.5	Analisis Statistik	66
Jadual 3.6	Koefisien Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	67
Jadual 4.1	Taburan Bilangan GPK Mengikut Penghususan	70
Jadual 4.2	Taburan Bilangan GPK Mengikut Kelayakan Ikhtisas	70
Jadual 4.3	Pengalaman GPK Mengikut Tahun	71
Jadual 4.4	Bilangan Sekolah yang mempunyai Murid Pemulihan	72
Jadual 4.5	Pencerapan	73
Jadual 4.6	Kemudahan Prasarana	73
Jadual 4.7	Bantuan Kewangan	73
Jadual 4.8	Masa Persediaan	74
Jadual 4.9	Guru Pembantu	74
Jadual 4.10	Kursus Pemantapan Program	75
Jadual 4.11	Tahap Kedudukan Skor Min Profesionalisme GPK	75
Jadual 4.12	Tahap Skor Min Elemen-Elemen Profesionalisme GPK	76
Jadual 4.13	Tahap Skor Min Pelaksanaan Program Pemulihan	76
Jadual 4.14	Analisis Taburan Responden Mengikut Tahap Elemen	77
Jadual 4.15	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Elemen Profesionalisme Guru	78
Jadual 4.16	Analisis Min dan Sisihan Piawai Bagi setiap Elemen Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	82
Jadual 4.17	Hubungan Di antara Profesionalise GPK dengan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	83
Jadual 4.18	Hubungan Di Antara Elemen Profesionalisme Guru dengan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	84

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 4.19 Ringkasan Model Bagi Skor Profesionalisme GPK	86
Jadual 4.20 Koefisien Skor Profesionalisme terhadap Program Pemulihan	86
Jadual 4.21 Rumusan Keputusan Hipotesis Nol	88

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Komponen Standard Guru Malaysia	17
Rajah 2.2	Proses Kerja Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	25
Rajah 2.3	Proses Penilaian Sesi Pemulihan	33
Rajah 2.4	Teori Tindakan Bersebab (Ajzen dan Fishbein 1975)	35
Rajah 2.5	Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen Dan Fishbein 1980)	36
Rajah 2.6	Model Sikap Rangkaian Tiga Komponen Smith Dan Mackie (1995)	37
Rajah 2.7	Model Efikasi Guru Bandura (Tschannen-Moran, Hoy (1998)	42
Rajah 2.9	Kerangka konsep	57



SENARAI SINGKATAN

BPPP	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Guru Dasar Pendidikan
GPK	Guru Pemulihan Khas
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PMU	Pemulihan Khas
SPSPK	Sektor Pendidikan Khas Dan Pendidikan Swasta

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ada menyatakan bahawa pendidikan dan kehidupan berkait rapat kerana pendidikan menentukan corak serta mutu kehidupan manusia. Peranan pendidikan sangat penting dalam pembentukan generasi yang akan datang untuk menjadikan rakyat Malaysia yang dapat menyumbangkan bakti kepada perkembangan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik.

Tidak dapat dinafikan bahawa masalah pembelajaran adalah merupakan faktor yang sangat penting di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia, kerana ia mempunyai perkaitan yang rapat dengan usaha kearah "*universalization of primary education*". Pendidikan universal pada tahap rendah merupakan salah satu daripada komponen utama program: Pendidikan Untuk Semua" dan "Pendidikan Sepanjang Hayat" serta salah satu strategi untuk mewujudkan pendemokrasian pendidikan.

Pada tahun 1983, Sistem Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Kurikulum Baru ini merupakan satu langkah dan usaha untuk kembali semula kepada asas pendidikan dengan memberi fokus kepada penguasaan 3M dan penekanan kepada pendidikan Pemulihan. Hal yang sedemikian akan menjadikan masalah dalam pembelajaran pada peringkat sekolah rendah menjadi fokus dan program utama Negara.

Program Pemulihan Khas ini telah disediakan dengan tujuan untuk membantu murid-murid mengatasi masalah kelemahan khusus dalam pembelajaran terutama sekali dalam penguasaan kemahiran asas 3M. Kumpulan murid yang telah dikesan dan dikenal pasti sebagai belum menguasai kemahiran asas 3M pada tahap yang tertentu akan mengikuti Program Pemulihan Khas ini. Program ini akan

menggunakan pendekatan klinikal yang bertujuan untuk “merawat” kesukaran untuk belajar atau masalah dalam pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid berkenaan. Hal ini telah dijelaskan dalam Buku Panduan AM KBSR tahun 1982 yang telah dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menerangkan bahawa; “Pemulihan dalam KBSR ialah proses pengajaran dan pembelajaran yang khusus untuk murid-murid yang menghadapi masalah atau kesukaran belajar dalam menguasai satu-satu kemahiran asas membaca, menulis dan mengira atau lebih dikenali dengan 3M”.

Namun demikian perancangan KBSR yang telah disusun dengan teliti dan begitu rapi tidak dapat diimplementasikan dengan begitu berkesan kerana beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Perkara ini telah diperbahaskan oleh Ketua Perancang atau arkitek perancangan KBSR Dato Asiah bte Abu Samah, yang juga Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada masa itu, dalam keluaran New Straits Time pada 28 Mac 1992 di muka surat 12 telah menyatakan bahawa:

“We cant run away with the fact though it is now in the middle of its second Cycle (the first cycle ended in 1988 when the first batch of KBSR pupils Completed six years of primary school), we still have problem - humanistic as well as academic.”

Pada hari ini semua sekolah termasuk Sekolah Kurang Murid (SKM) atau “under-unrolled school” telah diperuntukkan seorang guru pemulihan Khas. Pada bulan Januari 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Bahagian Pendidikan Khas telah melantik seramai 380 orang lagi Guru Pemulihan Khas tambahan yang bertujuan untuk membantu sekolah dan daerah yang mempunyai ramai murid pemulihan khas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) menyatakan bahawa Guru Pemulihan Khas perlu memahami, memberikan komitmen dan iltizam yang tinggi dalam melaksanakan inisiatif dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Peranan Guru Pemulihan khas sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran,

menjadi agen perubahan dan sumber inspirasi kepada murid. Guru Pemulihan Khas harus kreatif dan berinovatif untuk menjadikan sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif dan menyeronokan.

Kebanyakan Guru Pemulihan Khas seolah-olah tidak menunjukkan sikap dan komitmen yang tinggi terhadap kerjaya ini dan mereka beranggapan kerjaya sebagai seorang Guru Pemulihan Khas ini merupakan pilihan yang terakhir. Bertitik tolak daripada bekerja kerana terpaksa disebabkan tiada kerjaya yang lain, mereka akan melaksanakan sesuatu tugas dengan sambil lewa dan kurang berusaha untuk menguasai ilmu pedagogi yang boleh membantu mereka dalam pengajaran.

Muhammad Uthman el-Muhammadi (2003) pula menyebut bahawa di dalam profesi perguruan, tugas Guru Pemulihan Khas bukan sahaja mengajar sesuatu mata pelajaran, tetapi mereka juga berperanan sebagai pendidik manusia. Justeru itu mereka seharusnya memiliki ciri-ciri profesionalisme yang menguasai ilmu-ilmu teras dan pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesion perguruan.

Menurut Lunenberg dan Ornstein (2000), terdapat kajian yang mendapati bahawa Guru Pemulihan Khas yang mempunyai hubungan yang baik dengan Guru Besar akan mampu memberikan kerjasama dan akan berjaya mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan program Pemulihan Khas ini di sekolah.

Berdasarkan Laporan Pemantauan Sektor Pendidikan Khas (2010) terdapat kira-kira 15% murid-murid yang memasuki Sekolah Menengah masih tidak boleh membaca, menulis dan mengira. Peratusan kegagalan serupa ini amat memerlukkan kerja sepatutnya semua murid yang tamat sekolah rendah boleh membaca, menulis dan mengira dengan cekap. Pihak sekolah telah menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran yang sempurna. Kemudahan ruang, peralatan dan pendekatan pengajaran Guru Pemulihan Khas telah diberikan perhatian semasa merancang sesuatu pengajaran tetapi mutu pengajaran Guru Pemulihan khas tetap tidak boleh menarik minat murid untuk belajar.

Murid-murid pemulihan khas ini bukannya semua berpunca daripada kerendahan kecerdasan mereka. Terdapat murid yang lemah dalam pelajaran tetapi setelah mereka dibimbing dengan betul oleh guru yang berpengalaman, akhirnya mereka akan berjaya. Kemungkinan besar murid-murid yang tidak boleh menguasi 3M ini adalah berpunca daripada cara belajar yang ditunjukkan oleh Guru Pemulihan khas tidak betul dan kurang mendapat dorongan daripada guru berkenaan.

Guru Pemulihan Khas (GPK) yang mempunyai efikasi yang tinggi terhadap tugas perlu melengkapkan dirinya dengan pelbagai kemahiran agar setiap usaha mereka akan mencapai kejayaan. Mereka seharusnya mengetahui ciri-ciri pelajar pemulihan khas dan proses yang diguna pakai dalam Pendidikan Pemulihan. Setiap Guru Pemulihan Khas sepatutnya menyedari bahawa mereka perlu mengambil sesuatu tindakan bagi mengatasi setiap kelemahan murid-muridnya. Malangnya tidak semua Guru Pemulihan Khas mempunyai kemahiran, pengetahuan dan kepakaran untuk menyediakan pendidikan yang berkesan kepada murid-murid mereka yang menghadapi masalah penguasaan 3M ini.

Sampson (1975), berpendapat pada lazimnya, murid-murid akan cepat menunjukkan kemajuan dan peningkatan dalam pelajaran apabila mereka mendapat bantuan pengajaran sokongan dan perkhidmatan dari guru. Pada kebiasaannya kemajuan dan peningkatan ini akan hilang sekiranya murid-murid tersebut tidak mendapat sokongan pengajaran yang berterusan apabila mereka kembali ke kelas biasa dan diajar oleh guru lain. Mengikut Cashdan dan Pumphrey (1969), yang menegaskan bahawa sekiranya situasi dalam kelas asal (KBSR) tidak berubah, akan menyebabkan murid-murid bermasalah 3M ini memerlukan pemulihan khas semula. Dalam maksud yang lain, murid-murid seharusnya menerima pertolongan atau bantuan susulan dari GPK secara berterusan semasa mereka berada di kelas biasa.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan laporan Unicef (2002), pembentukkan Guru Pemulihan Khas tidak semudah yang digambarkan. Guru Pemulihan Khas ini mempunyai tanggungjawab

yang lebih berat jika dibandingkan dengan guru-guru biasa. Banyak orang boleh dilatih sebagai guru untuk mengajar murid-murid normal, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat menjadi Guru Pemulihan Khas. Namun demikian mereka yang dapat menjadi Guru Pemulihan Khas tidak menunjukkan ciri-ciri Guru Pemulihan yang berjaya kerana jika tidak menunjukkan profesionalisme guru seperti berikut:-

- i) Sikap Guru
- ii) Pengetahuan dan Kemahiran
- iii) Efikasi
- iv) Beban tugas Guru Pemulihan Khas

Seorang Guru Pemulihan Khas sepatutnya memahami beberapa perkara yang dititik beratkan dalam pelaksanaan Program Pemulihan Khas ini. Bertitik tolak daripada tanggapan Guru Pemulihan Khas bahawa kerjaya sebagai seorang guru ini adalah merupakan pilihan yang terakhir, maka akan wujud sikap yang kurang minat terhadap kerjaya tersebut. Mereka beranggapan bahawa setiap tugas yang dilaksanakan merupakan satu paksaan. Maka dengan ini secara tidak langsung mereka akan merasa tidak sabar, tabah dan tidak bersimpati terhadap murid-murid pemulihan khas ini.

Berlandaskan kepada sikap yang kurang minat ini, maka ada di antara Guru Pemulihan Khas cepat marah dan mudah melenting kepada murid-muridnya, jika murid-murid tersebut sukar untuk menerima pelajaran yang diajar. Di sini mereka telah mengetepikan unsur-unsur memahami dan bersimpati dengan masalah murid dan tidak ada usaha yang ditunjukan untuk membantu murid dalam meningkatkan usaha mereka.

Otto Smith (1980) mengatakan, Guru Pemulihan Khas yang mempunyai sikap kurang minat terhadap tugas mereka akan menyebabkan pengurusan kurikulum lemah. Terdapat Guru Pemulihan khas kurang berkualiti dan ideal terhadap tugasnya disamping penyediaan persekitaran pembelajaran yang tidak

kondusif. Menurut Pearson dan Johnson (1978), guru dan ekologi sesebuah bilik darjah mempengaruhi kebolehan membaca dan kefahaman murid.

Realitinya guru terlatih sudah mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas tentang kaedah pengajaran serta menguasai kandungan pelajaran. Namun demikian terdapat Guru Pemulihan Khas yang kurang pengetahuan dalam bidang pemulihan. Hal sedemikian akan menyebabkan Guru Pemulihan Khas berkenaan akan mengajar dengan tidak sempurna. Ramai di antara mereka yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam ilmu psikologi dan pedagogi, khususnya kanak-kanak bermasalah pembelajaran dan pendekatan pemulihan yang harus diambil terhadap mereka. Guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran ini agak sukar untuk membantu mengesan murid-murid yang bermasalah pembelajaran, mencari punca masalah daerah kelemahan kemahiran murid, menyediakan bahan pengajaran yang sesuai dan seterusnya melaksanakan Program Pemulihan terhadap mereka. Pearson dan Jonhson (1978).

Bidang pengelolaan pengajaran pemulihan agak rumit jika dibandingkan dengan pengajaran di kelas biasa. Tindakan dan sikap murid boleh berubah pada bila-bila masa. Untuk menangani masalah ini kebanyakan Guru Pemulihan Khas tidak dapat menduga tentang tindakan murid kerana kurang pengetahuan dalam ilmu psikologi sehingga sesuatu kerja yang dilakukan gagal untuk disempurnakan.

Memandangkan ramai Guru Pemulihan Khas yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan program pemulihan ini, maka mereka gagal untuk menyediakan bahan pengajaran yang sesuai dan menarik. Guru menyampaikan pengajaran tidak berperingkat disamping tidak merancang pengajaran yang menarik serta menggunakan kaedah dan pendekatan yang berkesan dan memudahkan murid untuk menerima pelajaran.

Guru Pemulihan Khas kurang meningkatkan pengetahuan mereka dalam kerjaya melalui pembacaan buku, majalah dan jurnal dalam bidang yang berkaitan. Terdapat sebilangan kecil Guru Pemulihan Khas ini yang enggan mempelajari

pengetahuan baru dalam pengajaran dengan menyertai seminar, bengkel atau kursus dalam bidang yang berkaitan.

Perlu diingat bahawa pengetahuan yang tinggi dan kemahiran yang mendalam akan dapat menambahkan keyakinan guru mengelolakan program pemulihan disamping dapat meningkatkan kepercayaan murid-murid untuk belajar. Hor & Miskel (1996).

Guru Pemulihan Khas yang mempunyai efikasi yang tinggi akan merancang bahan pengajaran yang lebih mencabar. Namun demikian, kebanyakan Guru Pemulihan yang mengajar berpandukan buku teks, buku kerja dan bahan-bahan yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran. Cara yang sedemikian akan menampakkan guru gagal untuk menarik minat murid kerana tidak semua bahan dalam buku teks, buku kerja dan bahan-bahan yang disediakan diminati murid. Guru kurang efikasi diri dalam merancang sesuatu bahan dan pendekatan pengajaran berdasarkan kepada perkara-perkara yang ada disekitar murid. Guru gagal untuk mengolah pendekatan yang bermula dari yang tahu kepada yang tidak tahu, dari mudah kepada yang susah dan dari dekat kepada yang jauh.

Guru Pemulihan Khas yang kurang efikasi diri, kurang berusaha untuk mencari idea untuk menggunakan bahan autentik yang boleh dijadikan tarikan kepada murid-muridnya. Bahan yang menarik minat murid tidak semestinya dibeli dengan harga yang mahal, namun bahan-bahan terbuang dan gambar-gambar yang dilukis oleh guru dapat dijadikan bahan perbincangan bersama murid dengan lebih berkesan.

Guru tidak mempunyai keyakinan diri dalam merancang aktiviti yang diberikan kepada murid dan menjurus kepada melatih mereka untuk meneroka sesuatu yang luar biasa. Setiap soalan yang disediakan tidak menggalakkan murid menggunakan akal fikiran secara mendalam. Soalan yang terlalu mudah, umpamanya tidak dapat melahirkan murid pemulihan yang kreatif.

Hubungan Guru Pemulihan dengan murid dapat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Bagi menjayakan sesuatu pengajaran, guru harus menjalinkan hubungan yang baik dengan murid-muridnya. Namun demikian terdapat Guru Pemulihan Khas tidak menjalin hubungan yang mesra dan saling menghormati untuk menjamin keberkesanan pengajarannya.

Menurut Ab.Rahman, Ab.Rashid dan Hajah Wan Som Mamat (1995), komunikasi guru merupakan salah satu perkara yang penting dalam hubungan dengan muridnya. Ternyata terdapat komunikasi guru yang tidak jelas dan tidak berkesan semasa pengajaran. Hal ini akan menyebabkan murid-murid berkenaan akan hilang keyakinan terhadap guru dan akhirnya murid akan membuat tanggapan yang negatif terhadap guru berkenaan sehingga merosakkan hubungan antara mereka.

Guru Pemulihan Khas kurang memberikan perhatian dan tidak ada usaha yang dibuat untuk merapatkan hubungan antara guru dan murid. Perhubungan murid dengan guru akan menjadi renggang kerana guru kurang memahami masalah yang dihadapi oleh murid. Perkara ini timbul kerana guru tidak melakukan penyelidikan terhadap minat dan kehendak murid berkenaan yang boleh dijadikan sebagai penjalin hubungan yang baik antara mereka.

Terdapat juga Guru Pemulihan Khas yang kurang memikul pelbagai peranan di dalam bilik darjah. Guru Pemulihan Khas kurang berperanan sebagai pembimbing, pendorong, penasihat dan mungkin juga sebagai rakan kepada murid-murid pemulihan. Guru tidak bersifat fleksibel dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan masa dan keadaan. Pada amnya Guru Pemulihan bertanggungjawab sebagai pengajar, tetapi dalam masa yang sama guru boleh menjadi rakan bermain atau bergurau. Hubungan Guru Pemulihan Khas akan menjadi mesra jika guru dapat menyesuaikan diri dengan murid-muridnya. Dengan cara ini murid-murid pemulihan akan lebih menghormati guru dan dapat bergaul dengan mereka.

Merujuk kepada Surat Pekeliling Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.KP (BS) 8502/5/PK Jld. V34 bertarikh 30 Jun 1989, yang masih diguna

pakai hingga ke hari ini, menyatakan bahawa Guru Pemulihan Khas berkhidmat sepenuh masa melaksanakan program pemulihan khas. Oleh itu amalan yang melantik Guru Pemulihan Khas sebagai guru ganti dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.

Berdasarkan laporan pemantauan melalui Sektor Pendidikan Khas dan Pendidikan Swasta, JPN Sabah (2010), terdapat ramai Guru Pemulihan Khas telah dibebani dengan tugas-tugas yang lain, Ada di antara mereka diarah menggantikan guru yang cuti sakit, cuti bersalin, guru berkursus sehingga guru berkenaan tidak dapat melaksanakan program di sekolah pada hari berkenaan. Apa yang lebih mendukacitakan terdapat pihak pengurusan sekolah telah melantik Guru Pemulihan Khas ini dengan tugas-tugas pentadbiran seperti menjadi Penolong Kanan (Lantikan sekolah), menjadi setiausaha sekolah, Guru Ganti, Guru Rancangan Makanan Tambahan, Guru Penyelaras Buku Teks, Setiausaha sukan sekolah, Guru jadual waktu, Guru KWAMP dan lain-lain lagi. Amalan yang serupa ini, ternyata Guru Pemulihan Khas berkenaan terpaksa mengagihkan masa kerjanya dengan masa mengajar hingga pelaksanaan program pemulihan di sekolah terabai.

Kesimpulannya, melalui kajian ini nanti adalah menjadi harapan pengkaji agar satu mekanisme yang mampan dapat dibentuk dalam usaha melakukan penambahbaikan terhadap profesionalisma Guru Pemulihan Khas terhadap pelaksanaan program pemulihan khas di sekolah. Bagi menjamin sistem pendidikan di Negara kita sebagai yang terbaik dan dapat dikecapi oleh semua pihak terutama sekali kaum pendidik, maka fokus utama kajian ini adalah untuk melihat minat Guru terhadap kerjaya, pengetahuan dan kemahiran guru, efikasi guru, hubungan Guru Pemulihan dengan murid dan beban tugas Guru Pemulihan Khas serta faktor profesionalisme guru yang mempengaruhi pelaksanaan program pemulihan khas.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan antara profesionalisme Guru Pemulihan Khas dengan pelaksanaan Program Pemulihan Khas di Sekolah Rendah Daerah Tuaran. Dalam masa yang sama juga penyelidik mengkaji sama ada elemen-elemen yang terdapat dalam profesionalisme guru menyumbang kepada

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Abdul Rashid, 2005, *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd Rahim, et, al. 2005. *Tahap Minat, Pengetahuan dan Kemahiran Guru, Latihan Guru dan Beban Tugas GPK Sekolah Daerah Pontian, Johor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Mara, Skudai, Johor.

Ab. Rahman, H. W. (1995). *Bahasa Melayu Bahasa Dalam Komunikasi dan Proses komunikasi.*" Edisi Pertama. Selangor: Longman Malaysia Sdn Bhd.

Ag Ku Mohd Gadafee. 2010. *Hubungan Di antara Profesionalisme Guru Dan Beban Tugas Terhadap Efikasi Guru Dalam Melaksanakan Kokurikulum*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Ahmad Shukri Mohd Nain. 2006. Tingkah Laku Organisasi Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Ajzen, I., & Driver, B.L., 1991, *Prediction of Leisure Participation from Behavioral, Normative and Control Belief: An Application of the Theory of Planned Behavior*, Journal of Leisure Sciences, 13: 185-204.

Ajzen, I., & Fishbein, M., 1980, *Understanding Attitudes and Predicting Social Behaviour*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Ajzen, I., & Fishbein, M., 2000, *Attitudes and the Attitudes-Behavior Relation: Reasoned and Automatic Processes*, Chichester, England: Wiley.

Alias Baba. 1992. *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

APEID - Asian Programme of Educational Innovation for Development. (1983). Learning Needs and Problems in Primary Education. Vol.1&11 Research Issues and Proposals. UNESCO, Bangkok.

Armor D. Conroy-Oseguera, P., Cox, M. King, N., McDonnell, Pascal, A., Pauly, E., and Zellman, G. 1976. *Analysis of The School Preferred Reading Programs in Selected Los Angeles Minority Schools*. (Report No. R-2007-LAUSD). Santa Monica, CA: Rand Corporation. (ERIC Document Reproduction Service No. EDI130243).

Ary, D., L.C And Razavieh, A. 2002. *Introduction to Research in Education*. (6th ed.) United State: Wadsworth Thompson Learning.

Aronson E, Wilson T and Akert R. 2006. *Social Psychology*. Longman, New York.

Astor, K. E. 2005. A case A Study Of Instructional Supervision, Including Teacher Evaluation, and The Impact on Teacher Practice. Dissertation Abstracts International. (UMI No.3180459).

Awang Had Salleh. 1998. *Latihan Perguruan untuk Sekolah Berkesan*, Prosiding Seminar Kebangsaan JPPG, Pendidikan Guru untuk Sekolah Berkesan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ayob Jantan. 2004. *Pengetua Sekolah yang Efektif*. PTS Profesional Publishing Sdn BHd: Shah Alam.

Aziz Nordin dan Lin Hui Ling. 2011. Hubungan Sikap Terhadap Matapelajaran Sains dengan Penguasaan Konsep Asas Sains Pelajar Tingkatan 2. *Journal of Science and Mathematics Educational*, Vol.2, June 2011. Pages 89-101/ISSN2231-7368.

Bahagian Pendidikan Guru, 1998, *Kajian Keperluan Latihan Keguruan Tenaga Pengajar Institusi Pendidikan Swasta*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru, 2003, *Memperkasa Pendidikan Guru Ke Arah Pendidikan Berkualiti*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Khas, 2012, *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihian Khas*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2002. *Laporan Kajian Pelaksanaan Program Pemulihian Khas di Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: EPRD.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia ke-9: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bandura. 1977. *A Sosial Learning Theory*, Prentice Hall, New Jersey.

Becker, E.A. & Gibson, C.C. 1998. *Fishbein's and Ajzen Theory of Reasoned Action: Accurate Prediction of Behavioural Intentions for Enrolling in Distance Education Courses*. Journal of Adult Education.49: 43-56.13

Cashdan, A.& Pumprey, D. (1969). *Some Effects of the Remedial Teaching of Reading*. *Educational Research II*.

Chadwick, B.A., Bahr, H.M. & Albrecht, S.L. 1984. *Social Science Research Methods*. New York: Harper & Row.

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Companies.

Chua Yan Piaw. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Companies.

Caroline David, 2005. *Hubungan Sikap Dan Masalah Pengurusan Program Pemulihan Terhadap Pencapaian Murid Sekolah Rendah Bahagian Gabungan Beaufort Sabah*. Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Collins, J.E. 1961. *The Effect Of Remedial Educational Monographs*, University Of Birmingham Institute Of education, No.4 London: Oliver and Boyd.

Crawley, F. E. & Koballa, T. R. (1992). *Attitudes/Behavior Change in Science Education: Part 1-models and methods*. Part 1 of a Paper Set presented at the 1992 Annual Meeting of the National Association for Research in Science Teaching, Anaheim, California.

Creswell, J.W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (2edition). California: Sage.

Daisy, Ee. 1974. *A Study of Factors Influencing Teacher Trainee's Choice of Teaching Profession in West Malaysia*. Universiti Malaya.

Darling-Hammond, L. 1992. *Teaching and Knowledge: Policy Issues Posed by Alternative Certification for Teachers*. *Peabody Journal of Education*. 67(3): 123-154.

Davies, J. A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2010. Kamus Dewan. Edisi Keempat. Dawama Sdn Bhd: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Selangor Darul Ehsan.

Dg Mastura Pg Baharudin. 2011. *Hubungan Motivasi Guru, Kemahiran Guru Dan Sokongan Pentadbiran Dengan Keberkesanan Pengurusan Ko-kurikulum Di Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Ee Ah Meng (1998), "Pedagogi III. Pengujian, Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif (Semester IV). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ebmeier, H. 2003. *How Supervision Influences Teacher Efficacy and Commitment: An Investigation of a Path Model*. Journal of Curriculum and Supervision, 18(2), 110-141.

Eldar, E., Nabel, N., Schechter, C., Talmor, R. & Mazin, K. 2003. *Anatomy of Success and Failure: The Story of Three Novice Teachers*. Educational Research. 45(1): 29-48.

Grundin, H. 1979. *Remedial Education, A Swedish Viewpoint*. Dalam Jurnal NRE, Vol.14, No2.

Hashim Andimori .2000. "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Jurusan Kejuruan Awam Di Kalangan Pelajar UTM .". Projek Sarjana Muda UTM. Tidak Diterbitkan.

Hee Pit Sang. 2012. *Hubungan Antara Faktor Penyumbang Stress Guru Dengan Efikasi Guru Di sekolah Menengah Pantai Barat Selatan Sabah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Jabatan Pendidikan Khas. 2003. Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Tahap Satu: Kuala Lumpur, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jabatan Pendidikan Khas. 2008. Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Edisi Percubaan): Kuala Lumpur, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Julaily Simon. 2000. *Kajian Mengenai Peranan dan Masalah yang Dihadapi oleh GPK di Enam Buah Sekolah Di Lahad Datu Sabah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Juliana Abdullah. 2000. *Peranan Guru Pemulihan Khas dan Masalah yang Dihadapi*. Universiti Malaya.

Kamarul Bahrin. 2005. *Keperluan Program Pemulihan Kha di Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Implimentasi ke Arah Penguasaan 3M*. Universiti Perguruan Sultan Idris.

Kauchak dan Enggan. 1989. "Learning And Teaching." Massachusset : Allyn and Bacon.

Khatijah Samian dan Abdul Karim. 1997. *Keberkesanan Program Pendidikan Pemulihan dalam Matematik terhadap Pelajar-pelajar Pemulihan Tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru, Bangi*. Satu Kajian Kes.

Knobloch, N.A., and Whittington, M.S. 2003. *Differences in Teacher efficacy Related to Career Commitment of Novice Agriculture Teachers*. Journal of Career and Technical Education, 20(1). Diperoleh pada 25 September 2012 daripada <http://Scholar.lib.vt.edu/ejournals/JCTE1/kobloch.html>.

Koh Boh Boon. 1988. *Pengajaran Pemulihan Dalam Bahasa Melayu*, Jabatan Pendidikan Bahasa Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Utusan Publication Distribution Sdn Bhd. (Anggota Kumpulan Utusan Melayu) 46M, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.

Kutsyuruba, B. 2003. *Instructional Supervision Perception Of Canadian and Ukraine Beginning High School Teachers*. Unpublished Masters Theses. University of Saskatchewan, Saskatoon, Canada.

Lay Yoon Fah. 2011. *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Malaysia Sabah.

Lortie. D. C. 1975. *School Teacher: A Sociological Study*. Chicago: University of Chicago Press.

Lynn, S.K. 2002. *The Winding Path: Understanding the Career Cycle of Teachers*. Journal of Education. 75(4): 179-183.

Magisos, J.H. 1989. "Vokational Teacher Education Principles, Practise, Problem and Promissing Direction." London : The Plamer Press.

Maruyama, G.M. 1998. *Basic of Structural Equation Modeling*. Thousand Oaks: Sage Publication.

Meor Ibrahim Kamaruddin. 2001. *Pembelajaran Sains dan Matematik. Modul Pengajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, Johor.

Mohd Isa Abd. Razak. 2004. *Penggендalian Pengajaran Berpasangan Pemulihan Bahasa Melayu*, Jurnal Keningau: Bil.5 2004/2005, 4-13.

Mohd Majid Konting. 1993. Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Serdang. Universiti Putra Malaysia.

Mohd Nor Bin Jaafar dan Kung Teik Seng. 2012. Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Tahap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum, Kedah: Universiti Utara Malaysia. Diperoleh pada 13 Julai, 2012 daripada <http://www.medc.com.mymedc/journals/volume9/mohd%20Nor%20bin%Jaafar.pdf>.

Mohd Yusof Abdullah, el, al. 2002. *Kekuatan Hubungan Motif, Sikap dan Latihan Perguruan dengan Profesionalisme Keguruan Pelajar Tahun Akhir Program Pendidikan IPTA*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Mok Soon Sang. 2009. *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd. Ipoh Perak.

Morton, L., Vesco, R., Williams, N., & Awender, M. 1997. *Student teacher anxieties Related to Class Management, Pedagogy, Evaluation, and staff Relations.* British Journal of Educational Psychology, 67, 69-89.

MeganTschannen-Moran, Anita Woolfolk Hoy. 2001. *Teacher Efficacy: Capturing an Elusive Construct.* Teaching And teacher Education 17 (2001), p. 783-885.

Noran Fauziah Yaakub, Ahmad Mahdzan Ayob (1993). "Guru dan Perguruan." Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka - Kementerian Pelajaran Malaysia.

Norlia Abu Bakar. 2003. *Permasalahan dan Cabaran Program Pemulihan Bahasa Melayu di Sebuah Kelas Tingkatan Peralihan Daerah Gombak: Satu Kajian Kes,* Universiti Malaya.

Otto, W..and Smith (1980). Corrective and remedial teaching . Houghton Mifflin c.o

Pajares, F . 2002. Self Efficacy Beliefs in academic Context: An Outline. Diperoleh pada 31 Oktober, 2012 dari
<http://www.emory.edu/EDUCATION/mfp/efftalk.html>.

Paulsen, M.B. 2002. *Evaluating Teaching Performance.* Journal of New Direction for Institutional Research. 114.

Pearson, P.D, Ad Johnson. 1978. *Teaching Rewarding Comprehension,* New York, Rine Hort Hart And Winston.

Rafisah Usman .2009. *Hubungan Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran dengan Komitmen dan Efikasi Guru.* Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.

Ralf Schwarzer, H., 2008. *Perceived Teacher Self-Efficacy as a Predictor of Job Stress and Burnout: Mediation Analyses*. University Of Berlin, Germany.

APPLIED PSYCHOLOGY: AN INTERNATIONAL REVIEW, 2008, 57, 152–171.

Robiah, K.H. 1988. "Fungsi dan masalah guru khas pemulihan di dua buah Sekolah Rendah di Selangor". Unpublished. M.E.d, thesis, University Of Malaya.

Sampson, O.C. (1975). *Remedial Education*. Routledge and Kegan Paul. London.

Soder, R. 1990. *The Rhetoric of Teacher Professionalization*. Dalam Goodlad, J.I. et.al (eds.) *The Moral Dimensions of Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Soh, K.C. 1989. *Motives for Teaching of Female Certificate in Education Students*. Journal of Teacher Education. 21:100-127.

Stern, H. H. (1984). Fundamental *Concept of Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press. Syed Arabi Idid.

Strike, K.A. 1990. *The Legal and Moral Responsibility of Teachers*. Dalam Goodlad, J.I. et.al (eds). *The Moral Dimensions of Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Toneatto, T., & Binik, Y. 1987. *The Role of Intentions, Social Norms and Attitudes in the Performance of Dental Flossing: A Test of the Theory of Reasoned Action*. Journal of Applied Social Psychology. 17: 593-603. 14.

Ward, E., 1987. *The relationship between masculine gender role stress and psychological adjustment: a question of construct validity?*. A Journal of Research: April 1, 1996.

Wolk, S. 2002. *Being Good: Rethinking Classroom Management and Student Discipline*. Portmouth: Heineman.

Woolfolk, A. 2003. *Educational psychology* (9th ed.). Boston: Allyn & Bacon.

Zaidatol Akmaliah dan Ramlah. 1994. "Keupayaan Mengajar Teras Perdagangan dan Keusahawanan Di Kalangan Guru-Guru Pelatih Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul", 15 -16 Januari 1994, Anjuran Jawatankuasa Latihan Keguruan Antara Universiti dan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur : Massa Enterprise.